



# **VISI DAN MISI**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA**

**“CEPAT DAN MESRA”**

**SEDIA  
MENYELAMAT  
TO SAVE 999**

## KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
Perutusan Ketua Pengarah .....	1
Carta Organisasi KPKT .....	2
Carta Organisasi JBPM .....	3
Akta Perkhidmatan Bomba 1988 .....	4
Logo JBPM .....	5
Bendera JBPM .....	6
Visi dan Misi JBPM .....	7
Slogan .....	8
Objektif JBPM .....	9
Dasar Kualiti JBPM .....	10
Objektif Kualiti JBPM .....	11
<i>Stakeholder</i> dan Pelanggan .....	13
Nilai-nilai Teras .....	14
Etika JBPM .....	14
Nilai-nilai Murni umum yang diberi keutamaan dalam JBPM .....	15
Personel JBPM Yang Serba Boleh .....	16
Tonggak Dua Belas .....	18
<i>5 Qualities Of A High Performance Organization</i> .....	19
Ikrar Integriti .....	20
Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 .....	21
Surat Aku Janji .....	23
Tatasusila Pegawai Bomba (P.U.A 388 2003) .....	25
Teras Perkhidmatan .....	27
Konsep <i>RECEO</i> .....	28
Lagu Siap Sedia Setiap Masa/ Perkhidmatan Awam .....	29

## ▶ Perutusan Ketua Pengarah



Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam Integriti.

Jabatan telah meletakkan visi untuk menjadikan organisasi ini sebagai sebuah organisasi kebombaanan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi sebagai wadah dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan lebih cekap dan berkesan.

Untuk itu, warga jabatan hendaklah memahami dan menghayati visi, misi, objektif dan etika Jabatan supaya ia dapat dijiwai oleh semua warga dalam Jabatan.

Ia perlu disemai dan dibaja supaya amalan baik seperti yang dituntut sebagai seorang penjawat awam seperti mana aku janji yang telah ditandatangani oleh setiap pegawai.


Saya berharap agar semua pegawai dan kakitangan JBPM supaya lebih komited dan berdedikasi untuk mencapai kecemerlangan.

A stylized, handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, overlapping strokes.

**Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



## Carta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan





### Akta Perkhidmatan Bomba 1988

Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Jabatan mengikut peruntukkan dibawah seksyen 5(1) & (2) di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti berikut :

- ▶ Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.
- ▶ Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran.
- ▶ Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan dan pengawal seliaan yang sempurna.
- ▶ Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal kebakaran.
- ▶ Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

JBPM boleh selain daripada tugas-tugasnya dibawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebaliknya yang diadakan oleh menteri untuk dilaksanakan.



- Bahagian atas logo JBPM, terdapat bentuk bulan sabit dan bintang yang membawa makna bahawa nilai-nilai islam dan nilai-nilai murni diserapkan ke dalam budaya kerja Jabatan.
- Topi keledar dan kapak bersilang bermaksud keselamatan kepada personel Jabatan yang memberikan perkhidmatan yang profesional.
- Tiga butir bunga padi disusun berlapis sembilan dalam dua lingkaran melambangkan sembilan Negeri Beraja, kuasa Jabatan untuk melaksanakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan juga kemakmuran negara.
- Simpul Manok (*clove hitch*) melambangkan Jabatan menjalankan kerja-kerja penyelamatan.
- Warna merah melambangkan semangat keberanian yang tinggi, manakala warna kuning melambangkan Jabatan menawarkan perkhidmatan yang berkualiti (*a golden service*) kepada komuniti.



### Bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



- Bendera JBPM terbahagi kepada 2 bahagian, 3 segi berwarna merah dengan logo Jabatan, jalur kuning dan biru dalam satu 3 segi yang lain.
- Warna merah melambangkan semangat keberanian yang tinggi di kalangan anggota bomba dalam menjalankan tugas operasi kebombaan dan penyelamatan untuk bangsa dan negara.
- 16 jalur kuning dan biru membawa maksud terdapat 16 buah Jabatan bomba dan penyelamat negeri-negeri.
- Jalur kuning melambangkan jabatan menawarkan perkhidmatan yang berkualiti (*a golden service*) kepada pelanggan dan "stakeholders" ke arah perkhidmatan bertaraf dunia dan mencerminkan kesetiaan kepada Raja dan Negara.
- Jalur biru melambangkan air yang digunakan sebagai media pemadaman kebakaran dan menitikberatkan kebersihan alam sekitar semasa menjalankan operasi kecemasan.






## Visi dan Misi



### **VISI JBPM**

“Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi.”



### **MISI JBPM**

“Memberi Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan yang Profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda.”



“CEPAT DAN MESRA”



### CEPAT DAN MESRA

**Cepat** ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan (manusia) yang pantas atau lekas yang terdapat elemen-elemen kualiti seperti kecekapan, kecergasan dan kemahiran.

**Mesra** merupakan satu kata sifat yang bermaksud perasaan atau perhubungan yang bersehati, benar-benar erat dan karib.



## Objektif

### Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



#### OBJEKTIF JBPM

Memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.



#### OBJEKTIF KUALITI JBPM

Jabatan bertekad untuk lebih cemerlang melalui inovasi dan kualiti M.S ISO 9001-2008



### Dasar Kualiti Jabatan

Pindaan Dasar Kualiti Jabatan adalah seperti berikut:

1. JBPM komited menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi dalam aspek kebombaian dan penyelamatan.
2. JBPM komited membudayakan sistem pengurusan kualiti dan tindakan penambahbaikan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pelanggan.
3. JBPM komited menentukan dokumentasi sistem pengurusan kualiti dikawal selia dan diselenggara dengan efektif dan berkesan selaras dengan keperluan standard.
4. JBPM komited memastikan dasar kualiti dan objektif kualiti disebar, difahami dan dilaksanakan oleh keseluruhan anggota organisasi.
5. JBPM komited melaksanakan sistem pengurusan kualiti dengan menerapkan aspek Pengurusan Risiko.



## Objektif Kualiti Jabatan

Objektif Kualiti Jabatan adalah seperti berikut:

1. Jentera Bomba pertama hendaklah keluar dari *Bay* Jentera ke lokasi operasi kebommbaan tidak melebihi 60 saat daripada masa terima panggilan di bilik kawalan balai.
2. Mengeluarkan laporan pengesahan kebakaran dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh kejadian.
3. Laporan Kebakaran disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian.
4. Laporan Khidmat Khas disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian.
5. Perangkaan Bulanan Operasi hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya sebelum atau pada 2 haribulan setiap bulan berikutnya.
6. Memproses pelan arkitektural (bangunan) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.
7. Memproses pelan 'M & E' dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.
8. Mengeluarkan surat pelepasan perakuan berperingkat (G8 dan G9) atau surat sokongan (CFO) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pemeriksaan sekiranya semua syarat dipatuhi.
9. Memproses permohonan pelesenan yang lengkap dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan.

10. Mengeluarkan notis penghapusan bahaya kebakaran dalam tempoh 7 hari selepas tarikh pemeriksaan dijalankan sekiranya terdapat bahaya kebakaran.
11. Mengeluarkan Perakuan Bomba dalam tempoh 5 hari dari tarikh pembayaran fi diterima.
12. Melengkapkan kertas penyiasatan kebakaran dalam tempoh 14 hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan.
13. Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah diakui penerimaannya dan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil (termasuk invois dan dokumen berkaitan) lengkap diterima.
14. Aduan Pelanggan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan:
  - i. Aduan Kategori Mudah – 5 hari
  - ii. Aduan Kategori Sederhana – 14 hari
15. Penetapan markah soal selidik hendaklah ke tahap cemerlang iaitu sekurang-kurangnya 75%.





## Stakeholder dan Pelanggan

### Stakeholder

Jemaah Menteri

Menteri

Timbalan Menteri

Exco Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian

Ahli Pasca Kabinet

### Pelanggan

#### Pelanggan Luar

Sektor Awam

Sektor Swasta

Badan-badan Profesional

Pertubuhan Antarabangsa

NGO

Orang Awam

#### Pelanggan Dalaman

Kakitangan JBPM

Keluarga Pegawai

Pesara JBPM



### Nilai-Nilai Teras

**Berani (*Valour*)**

**Suka Menolong (*Caring*)**

**Tidak Penting Diri (*Selflessness*)**

**Sabar (*Patience*)**

**Tidak Putus Asa (*Persistence*)**

**“DO THE RIGHT THING,  
WITHOUT PEOPLE WATCHING”**



### Etika Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

1. Berkhidmat untuk negara kerana Allah.
2. Sentiasa berkhidmat untuk faedah masyarakat
3. Taat dan Setia, Cekal dan Sabar.
4. Bekerja dengan dedikasi, cekap dan berdisiplin.
5. Siap sedia setiap masa.
6. Seerat Serasa Sehati Sejiwa.





Nilai-Nilai Murni Umum  
Yang Diberi Keutamaan Dalam JBPM

**Bijaksana**

**Dedikasi**

**Menghargai Masa**

**Setia**

**Bersimpati**

**Semangat Berpasukan**

**Cemerlang**

**Teliti**

**Berdisiplin**

**Cekap**

**Mementingkan Keselamatan**

**Integriti**



### Personel JBPM Yang Serba Boleh

1. Mahir dalam bidang kebombaam dan penyelamatan.
2. Mahir dalam "*Emergency Medical and Air Rescue Services*" (EMARS).
3. Mahir menguruskan Bahan-bahan berbahaya (HAZMAT) & (CBRNe).
4. Pegawai Penyiasat Kebakaran / Pegawai Pendakwa di Mahkamah.
5. Mahir dalam *pre-hospital care*.
6. Pemimpin kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).
7. Penyelamatan di air (*water rescue*).
8. Mahir dalam mencari dan menyelamatkan diruangan yang terkurung.
9. Mahir dalam khidmat kemanusiaan.
10. Mahir dalam bidang pencegah kebakaran dan pendekatan keselamatan kejuruteraan kebombaam (*Fire Engineering Safety Approach*).

11. Mahir mengurus krisis dan bencana.
12. Mahir dalam bidang kebombaan dan penyelamatan di bangunan tinggi (*High Rise Bulding*).
13. Pakar rujuk (*expert opinion evidence*) di mahkamah Malaysia dalam bidang kebombaan.
14. Mahir dalam kod dan peraturan kebombaan (*fire code & regulation*) sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.
15. Mahir dalam kejuruteraan/woksyop bomba dan penyelamat.
16. Mahir dalam komunikasi dan teknologi maklumat.
17. Pemimpin komuniti (Bomba Komuniti).





## Tonggak Dua Belas

1. **Menghargai Masa**
2. **Ketekunan Membawa Kejayaan**
3. **Keseronokan Bekerja**
4. **Kemuliaan Kesederhanaan**
5. **Ketinggian Peribadi**
6. **Kekuatan Sifat Baik Hati**
7. **Pengaruh Teladan**
8. **Kewajipan Menjalankan Tugas**
9. **Kebijaksanaan Berhemat**
10. **Keutamaan Kesabaran**
11. **Peningkatan Bakat**
12. **Nikmat Mencipta**



5 Kualiti Untuk Menjadi  
Organisasi Berprestasi Tinggi

5 Qualities of A High  
Performance Organization

1. Komited untuk mencapai  
kecemerlangan

1. *Commitment to excellence*

2. Kenyataan arah tuju yang jelas  
untuk mencapai matlamat

2. *Clearly stated purpose and  
desired result*

3. Proses perubahan pengurusan  
yang berkesan

3. *Effective change  
management processes*

4. Keterbukaan dan kepelbagaian  
arahuju komunikasi

4. *Open, multi directional  
communication*

5. Budaya pembelajaran  
berterusan

5. *Culture of continuous  
learning*



## Ikrar Integriti

Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati berikrar, memantap dan memperkukuhkan maruah dan integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar :

- Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara; dan
- Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.





## Peraturan- Peraturan Pegawai Awam

(Kelakuan dan Tata tertib) P.U. (A) 395/1993

4. (1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan.
- (2) Seseorang pegawai tidak boleh:
  - (a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya;
  - (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;
  - (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa -
    - (I) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya hingga menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
    - (II) dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
  - (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
  - (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
  - (f) tidak jujur atau tidak amanah;
  - (g) tidak bertanggungjawab;

- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- (j) cuai dalam melaksanakan tugasnya.







## SURAT AKU JANJI

Saya, \_\_\_\_\_, No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_

beralamat di \_\_\_\_\_

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bahawa saya:

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....  
Tandatangan Pegawai

.....  
Jawatan Pegawai

Di Hadapan:

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....  
(Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua jabatan)

.....  
(Tarikh)

.....  
(Cop Rasmi Jabatan)

**PERATURAN-PERATURAN  
PERKHIDMATAN BOMBA  
(Tatasusila Pegawai Bomba)  
2003  
[P.U. (A) 388/2003]**

---

Tiap-tiap Pegawai Bomba hendaklah mematuhi Tatasusila Pegawai Bomba yang ditetapkan seperti berikut:

1. Memakai pakaian seragam yang lengkap, bersih dan kemas semasa bertugas.
2. Mempamerkan tanda nama atau kad pengenalan semasa bertugas.
3. Memelihara penampilan diri seperti berambut pendek, pelipis nipis, misai didandan rapi dan tidak menyimpan janggut.
4. Menunjuk hormat dalam perkataan, perbuatan dan tingkah laku terhadap mana-mana Pegawai Bomba yang berpangkat kanan daripadanya.
5. Bersikap adil terhadap mana-mana Pegawai Bomba yang berpangkat rendah daripadanya.
6. Hadir tepat pada waktunya untuk apa-apa perbarisan, kelas pengajaran, mahkamah atau lain-lain tugas sebagaimana yang diarahkan.
7. Berada pada setiap masa dalam Bilik Kawalan Utama, atau Bilik Kawalan, atau Bilik Pengawal dan tidak meninggalkan tempat-tempat tersebut tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah sehingga diganti dengan tepat.
8. Tidak berada di dalam Bilik Kawalan Utama atau Bilik Kawalan bila masa dia tidak ditugaskan di situ tanpa sebab yang munasabah.

## VISI DAN MISI

9. Mengelakkan penggunaan kekerasan yang tidak perlu terhadap mana-mana orang semasa menjalankan tugas.
10. Menunjukkan sifat gagah dan berani semasa menjalankan tugas.
11. Melaporkan apa-apa kerosakan terhadap mana-mana pakaian seragam, kelengkapan atau peralatan lain yang dibekalkan kepadanya dan yang diletak di bawah jagaannya.
12. Tidak menyembunyikan apa-apa aduan atau laporan terhadap mana-mana Pegawai Bomba.
13. Memakai pakaian seragam yang lengkap semasa memandu mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba.
14. Tidak memandu atau membenarkan dipandu mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba dengan kelajuan yang berlebihan dan tidak membenarkan kenderaan itu diisi dengan muatan yang berlebihan tanpa sebab yang munasabah.
15. Mengguna, mengawal dan menyelenggara kenderaan Perkhidmatan Bomba dan peralatan lain dengan cara yang betul, bersih dan sempurna.
16. Tidak menggunakan peralatan lain Perkhidmatan Bomba untuk kegunaan lain selain daripada yang dibenarkan.
17. Tidak membenarkan mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba membawa mana-mana orang yang bukan Pegawai Bomba kecuali dengan kebenaran.
18. Tidak bersubahat melakukan apa-apa perbuatan atau cubaan melakukan apa-apa perbuatan yang boleh disifatkan melanggar Tatasusila Pegawai Bomba.

 Teras  
Perkhidmatan

1. Berazam meninggikan mutu perkhidmatan
2. Bekerja dengan penuh tanggungjawab
3. Berusaha mengikis sikap mementingkan diri
4. Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan
5. Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara
6. Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara
7. Berpegang teguh kepada ajaran agama.

### Konsep RECEO

**R**

*Rescue (Menyelamat)*

**E**

*Exposure (Pendedahan)*

**C**

*Confinement (Penyekatan)*

**E**

*Extinguishment (Pemadaman)*

**O**

*Overhaul (Pemeriksaan)*



## Lagu

### Siap Sedia Setiap Masa

Kami anggota bomba  
Di seluruh negara  
Bersiap dan sedia  
Di setiap masa

Mengawal Kebakaran  
Di kota dan di desa  
Menyelamat nyawa  
Dan juga harta benda

Rukun negara kami junjung bersama  
Penuh setia dengan semangat waja  
Dari Perlis hinggalah ke Sabah  
Mendukung etika bekerja

Kepada rakyat semua  
Marilah bekerjasama  
Untuk menghindarkan  
Segala malapetaka

Demi kesejahteraan  
Kita Bersama  
Barulah kita hidup  
Aman damai selamanya

### Perkhidmatan Awam

Kita Memegang Amanah  
Bangsa

Kita Juga Telah Berikrar  
Taat setia Korban Tenaga  
Bela Bangsa Dan Negara

Etika Kerja Kita Amalkan  
Tekun Jujur Dan Berbudaya  
Gandakan Hasil Dan  
Pembangunan

Berkhidmat Bakti Berjasa  
Agama Asas Pegangan  
Perlembagaan Negara Dijulang  
Rukun Negara Jadi Pedoman  
Kitalah Benteng Malaysia



**Unit Integriti  
Ibu Pejabat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya  
03-88927600  
03-88880840**